

KETUA PENGARAH PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA

Ruj. Kami : JPN.KC:163/15/2 Klt.3 (20)

Tarikh : 12 Mei 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PROSEDUR PELAKSANAAN URUSNIAGA PERKAHWINAN DI BAWAH AKTA 164 BAGI KUIL, GEREJA DAN PERSATUAN AGAMA PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

TUJUAN

2. Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Penolong Pendaftar Perkahwinan yang dilantik di bawah Seksyen 28, Akta 164 mengenai Prosedur Pelaksanaan Urusniaga Perkahwinan Di Bawah Akta 164 Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

LATAR BELAKANG

3. Pada 18 Mac 2020, Kerajaan telah menguatkuasakan PKP sebagai salah satu langkah untuk mengekang penularan pandemik Covid19 di dalam negara.

4. Bagi mematuhi arahan serta usaha Kerajaan untuk memutuskan rantaian penularan wabak Covid19 ini, semua urusniaga berkaitan perkahwinan dan perceraian di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) termasuk di Kuil, Gereja dan Persatuan Agama seluruh negara telah ditangguhkan.

5. Penangguhan upacara perkahwinan sepanjang tempoh PKP menyebabkan ramai pasangan yang telah dijadualkan menjalankan upacara perkahwinan di JPN termasuk di Kuil, Gereja dan Persatuan Agama tidak dapat diadakan.

TATACARA PELAKSANAAN UPACARA PERKAHWINAN DI KUIL, GEREJA DAN PERSATUAN AGAMA

6. Selaras dengan keprihatinan Kerajaan dan bagi memudahkan pelanggan yang terjejas sepanjang tempoh PKP, Pengurusan Tertinggi JPN bersetuju agar:

- (i) Upacara perkahwinan yang terjejas dalam tempoh **PKP ditangguhkan sehingga 31 Julai 2020** bagi membolehkan upacara perkahwinan diadakan tanpa mengkehendaki permohonan baharu dikemukakan. Ini juga **membantu pasangan supaya tidak perlu membayar fi sekali lagi**.
 - (ii) Arahan ini hanya terpakai bagi pasangan yang terlibat sepanjang tempoh PKP iaitu bermula 18 Mac 2020 sehingga tamat tempoh PKP yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia sahaja.
 - (iii) Resit pembayaran bagi permohonan upacara perkahwinan yang terjejas dengan PKP boleh diterima sebagai bukti pembayaran.
7. Pasangan yang terjejas dengan PKP tetapi memilih untuk menjalankan upacara perkahwinan selepas 31 Julai 2020 hendaklah mengemukakan permohonan baharu dan menjelaskan apa-apa fi yang berkaitan. Manakala pasangan yang tidak terjejas dengan PKP hendaklah menjalani upacara perkahwinan mengikut tarikh yang telah disusun sebelum ini.

8. Bagi pelaksanaan upacara perkahwinan di Kuil, Gereja dan Persatuan Agama di bawah Akta 164 pasca/ selepas tamat tempoh PKP dan sebagai mematuhi arahan Kerajaan dalam memastikan keselamatan pelanggan dan Pendaftar, Pengurusan Tertinggi JPN telah menetapkan syarat-syarat berikut:

8.1 Upacara Perkahwinan

Semua Penolong Pendaftar Perkahwinan hendaklah menyusun jadual upacara perkahwinan yang lebih teratur bagi menampung jumlah upacara yang telah tertangguh sejak **18 Mac 2020 termasuk upacara semasa:**

- (i) Membahagikan upacara kepada sesi pagi dan petang serta memberi jarak masa yang mencukupi dari satu upacara kepada upacara yang lain bagi mengelakkan kesesakan di Kuil, Gereja, Persatuan Agama dan bilik upacara, jika perlu;
- (ii) Menambah slot upacara perkahwinan dalam sehari jika bersesuaian;
- (iii) Menetapkan bilik atau ruang upacara perkahwinan kepada pasangan lebih awal (jika bilik upacara lebih dari satu);
- (iv) Mengkehendaki pasangan dan saksi hadir mengikut **masa dan tarikh** upacara perkahwinan yang telah ditetapkan sahaja. Tidak dibenarkan *First Come First Serve Basis* bagi mengelakkan kesesakan dalam satu-satu masa upacara dijalankan;
- (v) Mendapatkan maklumat saksi bagi setiap pasangan sekurang-kurangnya 3 hari sebelum upacara bagi memudahkan penyediaan Daftar Perkahwinan atau dokumen yang berkaitan, jika perlu;

- (vi) Membenarkan **hanya pasangan lelaki dan perempuan serta dua orang saksi sahaja (empat orang)** hadir ke Kuil, Gereja atau Persatuan Agama bagi sesuatu sesi upacara perkahwinan. **Kaum keluarga, saudara-mara, rakan dan pihak-pihak yang tidak terlibat dalam upacara perkahwinan adalah tidak dibenarkan bagi mengelakkan berlakunya *mass gathering*;**
- (vii) Menghadkan tempoh upacara perkahwinan kepada **40 minit** sahaja bagi setiap pasangan untuk mengelakkan penyebaran Covid19 dan pihak-pihak terlibat dijangkiti virus ini; dan
- (viii) Syarat-syarat permohonan lain dan dokumen sedia ada masih digunapakai. Sila rujuk Prosedur Kualiti Perkahwinan dan Perceraian.

9. Bagi langkah-langkah keselamatan, perkara berikut **WAJIB** dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dengan urusan perkahwinan dan perceraian:

- (i) Menjalani saringan kesihatan seperti mengambil suhu badan dan menggunakan *hand sanitizer* di pintu masuk sebelum dibenarkan masuk. Pelanggan yang mempunyai gejala Covid19 atau masih menjalani tempoh kuarantin tidak dibenarkan membuat urusan;
- (ii) Menyediakan Buku Kawalan Kehadiran dan menghendaki pasangan dan saksi mengisi maklumat diri seperti nama dan nombor Mykad termasuk nombor telefon dan alamat;
- (iii) Menyediakan *hand sanitizer* di kaunter/ ruang kerja, bilik upacara perkahwinan dan ruang yang strategik;

- (iv) Sentiasa memakai topeng muka dan hidung (*facemask*) semasa berada di premis melainkan sewaktu upacara perkahwinan dijalankan;
- (v) Mengamalkan **penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu meter** di ruang menunggu, kaunter, bilik upacara perkahwinan dan ruang kerja;
- (vi) Sentiasa mematuhi amalan kesihatan yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia seperti menggunakan *hand sanitizer* dan kerap mencuci tangan dengan sabun. Ini termasuk juga melaksanakan tugas-tugas disinfeksi bagi kaunter, ruang kerja dan bilik upacara perkahwinan dari masa ke semasa; dan
- (vii) Mematuhi lain-lain arahan dan etika yang ditetapkan oleh JPN dan Kerajaan Malaysia.

10. Permohonan baharu untuk mengadakan upacara perkahwinan di Kuil, Gereja dan Persatuan Agama adalah tertakluk kepada syarat-syarat di para 8 dan langkah-langkah keselamatan di para 9 arahan ini.

11. Persatuan agama yang didaftarkan dibawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Persatuan juga adalah tertakluk kepada arahan Jabatan tersebut.

PEMATUHAN

12. Tatacara ini adalah terpakai kepada semua Penolong Pendaftar Perkahwinan di Kuil, Gereja dan Persatuan Agama di seluruh Malaysia.

13. Penolong Pendaftar Perkahwinan di Kuil, Gereja dan Persatuan Agama yang gagal mematuhi arahan ini akan dikenakan tindakan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] dan lain-lain Akta dan Perundangan yang berkaitan.

TARIKH KUATKUASA

14. Arahan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.


PENUTUP

15. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan dalam melaksanakan arahan ini, sila rujuk Pegawai Bahagian Perkahwinan dan Perceraian, JPN Negeri untuk penjelasan lanjut.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' RUSLIN BIN JUSOH) ✓
Ketua Pengarah Pendaftaran Negara
Malaysia